

Khairy: Antara tersurat, tersirat

BA-23/1/2006

Tiada apa hairankannya ketika ketrampilan dicemburui lawan



SEJAK kira-kira tiga minggu lalu, Khairy Jamaludin menanggung kecederaan di bahu kiri. Ke sana ke mari, dia terpaksa menggunakan anduh untuk menopang tangan kirinya hingga ia seolah-olah menjadi 'trademark' baru bagi dirinya.

"Itu barangkali cara Khairy," kata seorang kenalan sebagai menggambarkan menantu lelaki tunggal Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ini akan lebih cenderung dilihat sesetengah pihak berdasarkan apa tersirat daripada tersurat.

Dalam pada itu, ia bukan kali pertama Khairy dilihat di khalayak dalam keadaan sedemikian. Cuma bezanya lebih setahun lalu, anduh digunakannya berwarna cerah berbanding berwarna gelap kali ini.

Khairy sendiri seakan-akan mengiyakan tanggapan sesetengah pihak terhadapnya dengan mencipta cerita yang kemudian tersebar daripada mulut ke mulut sebagai bahan jenaka atau celoteh penglipur lara.

"Ia harus antara terburuk yang boleh berlaku kepada saya apabila terjatuh daripada mesin senaman i-Gallop," katanya ketika disapa mengenai kecederaan terbarunya itu pada satu majlis akad nikah anak seorang rakan.

Mereka yang menonton siaran langsung Piala Dunia menerusi Astro harus tidak terlepas pandang iklan i-Gallop yang menampilkan sekumpulan gadis cantik di atas mesin senaman itu persis menunggang kuda.

Hakikatnya kecederaan terbarunya itu angkara terjatuh kuda ketika bermain polo hingga memerlukan pembedahan memasukkan kepingan logam bagi membetulkannya tetapi apabila ia membabitkan menantu Perdana Menteri ini, akan sentiasa ada segolongan tidak berminat dengan kebenaran.

Enjin carian Yahoo atau Google akan menampilkan ratusan hingga puluhan ribu capaian atas namanya tanpa mengira nama bapanya dieja dengan satu atau dua 'd'. Barangkali ada berkongsi nama dengannya tetapi hasil carian selalunya menunjukkan kepada orang sama.

Tentunya juga Khairy, selari dengan popularitinya, diberi pelbagai nama-jolokan - selalunya jauh melampaui singkatan 'KJ' yang dia sendiri lebih sinonim dengannya. Itu kepandaian pengunjung segelintir laman web.

Lagipun, tiada apa yang hendak mereka rugikan. Berbanding RM10 yang menjadi modal sebilangan penonton di stadium untuk berteriak pelbagai kata nista terhadap pemain bola sepak tempatan, dosa kering terhadap KJ tidak pun memerlukan pembiayaan.

Tahun lalu, misalnya, sebuah laman web menyiarkan satu siri rencana mengenai Khairy, seorang lulusan Universiti Oxford, kononnya untuk menelanjangi siapa dirinya sebenarnya dan apakah muslihatnya. Di sebalik ramai yang akur sebahagian besar maklumat dipaparkan adalah rekaan, ramai juga terpedaya ia kebenaran.

Harus apa dilaluinya sejak 1999 dengan menjadi penulis ucapan dan kemudian dilantik sebagai pegawai khas

ketika Abdullah menjadi Timbalan Perdana Menteri sehingga sesudah meletak jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri merangkap Pengarah Bahagian Polisi dan Komunikasi pada Jun 2004, jauh berlawanan dengan mereka sebaya dengan usia 30 tahunnya.

Dia pernah 'diboo' ketika diperkenalkan kepada perwakilan selaku Naib Ketua yang menang tanpa bertanding pada Persidangan Pergerakan Pemuda Umno menjelang Perhimpunan Agung Umno pada 2004.

Namun, hanya setahun berselang, Khairy sebaliknya menerima tepukan gemuruh ketika mewakili Pemuda Umno mencadangkan usul ekonomi pada Perhimpunan Agung Umno tahun lalu hingga ramai mengagumi ketrampilan dan kewibawaannya.

Bertitik-tolak daripada saat itu juga, segala gerak langkah, tutur kata dan bayang kelibatnya lebih hebat diteropong dan diperhalusi. Khairy sendiri amat akur dengan hakikat itu.

Tiada satu tuduhan tidak sampai ke telinganya, tiada satu dakwaan terhindar daripada pengetahuannya, malah tiada satu cerita rekaan terlepas daripada pengamatan dan pemerhatiannya.

"Adakah apa-apa yang baru, orang bercakap mengenai saya?"

Soalan itu sering terpacul daripadanya sebagai menggambarkan tiada apa lagi yang menghairkannya pada ketika wujud kecenderungan segolongan tertentu untuk menghakimi dirinya daripada cakap yang didengar berbanding menyelidiki apa yang benar.

Ketika Khairy dan rakan karibnya, Jason Lo, menubuhkan Maya Team Sdn Bhd untuk menghimpunkan pemain bola sepak amatour berbakat daripada seluruh negara atas nama MyTeam beberapa bulan lalu, timbul dakwaan kononnya dia mendampingi seorang selebriti terkenal tempatan.

Di sebalik pelbagai penafian, baik oleh Khairy mahupun selebriti berkenaan selawat minggu ini sekalipun, masih ada terbawa-bawa dengan andaian semua itu sekadar mahu disembunyikan.

Di kalangan rakan rapatnya, seloroh dan gurauan itu tidak dapat dipisahkan dengan hilai ketawa daripada membuat ada yang bermuka merah padam.

Bezanya pada ketika ramai boleh turut ketawa dengannya atau bersimpati dengan segala terjahannya yang harus dihadapinya, hanya Khairy dan mereka yang benar-benar rapat dengannya, lebih arif dengan apakah kesannya semua ini.

Bukanlah rahsia bahawa di sebalik Khairy sendiri semakin matang dengan sepak terajang politik yang tidak mengenali erti simpati, ada juga ketikanya dia turut tidak terhindar daripada berumurung dan menyendiri.

Lebih-lebih lagi apabila ibu kesayangannya sesekali menangi betapa sesetengah orang terus-terusan menjadikan Khairy sebagai sasaran belasan hingga terlontar persoalan apakah segala cemuhan akan berakhir kesudahannya dan apakah perjuangannya yang terakhir wajar untuk diteruskan.

Tetapi, apa yang harus membezakan Khairy dengan kebanyakan yang lain, ialah pendirian tegasnya untuk tidak perlu menjawab atau memberi perhatian terhadap segala tuduhan tidak berasas yang dilemparkan terhadapnya.

Fokusnya amat jelas, iaitu ada tugas dan tanggungjawab perlu dipikulnya biarpun mereka mencemburuinya se-



LANTANG BERSUARA: Khairy ketika mengetahui demonstrasi mengutuk serangan Israel ke atas Palestin di depan Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur baru-baru ini.

ring menggambarkannya sebagai sangat berkuasa hinggan seolah-olah tiada keputusan besar kerajaan yang tidak terkait dengan pengaruhnya.

"Bagi saya, yang penting ialah menjalankan tugas yang diamanahkan parti. Ia (dakwaan tidak berasas dan serangan peribadi) adalah asam garam dalam politik. Apa yang penting, kita kena tumpu pada kerja dan kalau berjaya melaksanakan tugas dengan baik dan ahli parti menghargai dan mengenang jasa sudah dicurahkan, kita akan teruskan kerja.

"Kalau kerja kita tidak bagus dan ahli parti tidak menyokong kita, kita perlu berundur. Kalau kita melayan sangat (segala tuduhan dan spekulasi), susah nanti... Lebih baik tumpu pada kerja yang sudah diamanahkan." Itu adalah pendirian yang sering diulanginya.

Terbaru, Perdana Menteri sendiri turut terpaksa memberikan penjelasan dengan menegaskan menantunya tidak menjadi penasihat yang mempengaruhi dalam urusan pentadbiran negara seperti didakwa segolongan tertentu.

Seperti Khairy, Pak Lah turut mengakui ada kalanya berasa sedih dengan cakap-cakap sesetengah orang.

"Menantu saya bukan penasihat saya.

Dulu dia bekerja dengan saya. Mungkin sebagai pekerja di bawah saya, tentulah dia terbabit untuk membuat analisis dan memberi pandangan berhubung macam-macam perkara.

"Sekarang dia tak bekerja lagi dengan saya. Dia sudah berhenti, dia tahu orang bising sangat. Dia tak kena mengena lagi. Jadi apa (kenapa) tuduhan itu dibuat," katanya.

Adakah kenyataan terbaru Perdana Menteri akan mengubah apa-apa? Barangkali tidak.

Malah, serangan terhadap Khairy bakal berganda kerana di sebalik apa diperkatakan untuk membelanya, golongan sakit hati terhadapnya memutar-mutar dengan tafsiran sama sekali berbeza.

Tidak sukar untuk menyimpulkan bahawa itulah sebenarnya dimahukan kumpulan pembelaan agar Khairy terjebak dengan perangkap dipasang, merajuk membawa diri setiap kali diserang, diiringi harapan agar dia akhirnya akan kecundang.

Apa yang barangkali terlepas daripada pengamatan mereka ialah anak muda ini juga sudah jenuh mentertawakan segala cerita direka terhadapnya daripada merelakan dirinya sendiri ditertawakan.